



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 04/2022

PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN JANUARI TAHUN 2022 (DPT BLN1/2022)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Januari Tahun 2022 (DPT BLN1/2022)** telah diperakui dan diwartakan pada hari ini **16 Februari 2022**. DPT BLN1/2022 ini dibuka untuk semakan selama 30 hari mulai **16 Februari 2022** hingga **17 Mac 2022**.
2. DPT BLN1/2022 ini mengandungi nama bagi **36,408** orang warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas pada **1 hingga 31 Januari 2022** yang didaftarkan sebagai pemilih baharu secara automatik, **8,579** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **7,164** orang pemilih bertukar status/kategori pengundi dalam tempoh **1 hingga 31 Januari 2022**.
3. SPR menyediakan 4 kaedah semakan bagi DPT BLN1/2022 iaitu seperti berikut:
 - (a) Portal SPR di pautan <https://www.spr.gov.my>;
atau
<https://mysprsemak.spr.gov.my>;
 - (b) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**;

- (c) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>; atau
 - (d) Hotline SPR di talian **03-8892 7018**.
4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran status/kategori pengundi dalam tempoh **1 Januari 2022 hingga 31 Januari 2022** untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN1/2022. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN1/2022, mereka boleh membuat TUNTUTAN dengan mengisi Borang C secara dalam talian di pautan <https://myspr.spr.gov.my> atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat BANTAHAN ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi Borang D dan hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat - Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN1/2022.

7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN1/2022 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau hubungi Hotline SPR di talian **03-8892 7018** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

16 Februari 2022 / 14 Rejab 1443H